

Kajian Terhadap Kepentingan Landskap Budaya Melayu di Kampung Bukit Pegoh, Melaka

Amizatul Najeha Lukmanulhakim¹ & Mohd Amirul Hussain^{1,2*}

¹Jabatan Sains Pertanian, Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

²Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, MALAYSIA

*e-mel: amirul.hussain@ftv.upsi.edu.my

Published: 03 June 2022

To cite this article (APA): Lukmanulhakim, A. N., & Hussain, M. A. (2022). Kajian Terhadap Kepentingan Landskap Budaya Melayu di Kampung Bukit Pegoh, Melaka. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 1-7. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.1.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.1.2022>

ABSTRAK

Landskap dan budaya masyarakat Melayu merupakan perlambangan reka bentuk dan susun atur yang kompleks. melibatkan interaksi antara manusia, alam dan Tuhan serta cara manusia mengolah alam selari dengan keperluan dan kepentingan kehidupan. Oleh yang demikian, gabungan kompleks ini dapat dilihat serta dihayati melalui reka bentuk dan susun atur ruang landskap yang terdapat pada sebahagian kawasan rumah masyarakat Melayu tradisional di Malaysia. Namun begitu, seiring dengan perubahan dan permodenan di Malaysia, banyak landskap budaya Melayu di kampung khususnya mengalami proses transformasi ke arah kebaratan, tanpa mengambil kira asal usul kepentingan fungsi landskap budaya Melayu itu sendiri. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membuktikan kepentingan landskap budaya Melayu yang menjadi tunjang utama kepada identiti masyarakat Melayu yang semakin hilang ditelan zaman, kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif kajian ini adalah penyelidikan kualitatif melibatkan kajian kes di Kampung Bukit Pegoh, Melaka. Tiga kaedah reka bentuk pengumpulan data telah digunakan; iaitu pemerhatian turut serta, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen berkaitan budaya dan landskap Melayu tradisional. Dapatan daripada penyelidikan ini, memperjelaskan kepentingan fungsi landskap budaya Melayu tradisional dan membuktikan bahawa terdapat hubungan budaya kehidupan masyarakat Melayu dengan alam lingkungannya di kawasan kajian. Kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan dan pemangkin kepada kajian yang mendatang sama ada dalam bidang landskap mahupun aspek budaya Melayu.

Kata kunci: Landskap, budaya Melayu, Melaka, Malaysia

PENGENALAN

Berdasarkan kajian lepas, landskap budaya Melayu tradisional telah wujud sejak sekian lama di Malaysia (dahulu dikenali sebagai Tanah Melayu). Menurut Ani (2011) bangsa Melayu, merupakan bangsa yang suka meneroka dan melalui penerokaan ini, mereka membawa bersama nilai budaya, gaya hidup dan pegangan tradisional sehingga tersebar luas ke seluruh Kepulauan Nusantara. Selain itu, keunikan landskap budaya Melayu tradisional ini disebabkan oleh interaksi seimbang antara manusia, alam dan Tuhan. Maka terciptalah seni reka dan seni bina yang diolah melalui sifat alam, budaya, tradisi dan kepercayaan masyarakat Melayu. Menurut Ahmad, Bakar dan Ibrahim (2006), landskap budaya masyarakat Melayu tradisional merupakan peninggalan ilmu yang penting mengenai seni bina dan seni reka dalam mengolah alam. Penulis yang sama menegaskan bahawa ilmu mengolah alam ini harus dilestarikan agar tidak luput

dek arus permodenan. Faktor ini turut menjelaskan bahawa sesebuah masyarakat itu mampu untuk mempengaruhi dan mengolah persekitaran sekeliling mereka melalui unsur budaya seperti adat, kepercayaan dan pemikiran. Setiap landskap budaya di dunia ini mempunyai corak dan seni reka yang tersendiri. Keunikan inilah yang membezakan setiap bangsa dan budaya di dunia ini (Hussain, Yunos, Ismail, Ariffin, & Ismail, 2020).

Walau bagaimanapun, Rahman dan Ismail (2015) ada menyatakan bahawa akibat kerakusan manusia meneroka alam, banyak kawasan kampung ataupun landskap luar bandar terjejas, sehingga membawa kepada kerosakan dan kemusnahan landskap budaya Melayu tradisional. Ini kerana kebanyakan landskap yang berkaitan dengan budaya masyarakat Melayu berada di kawasan luar bandar atau kampung (Maliki, 2010). Selain itu, antara punca lain yang mengakibatkan identiti dan warisan masyarakat Melayu ini semakin suram adalah disebabkan oleh kurangnya kesedaran dan pengetahuan generasi kini dalam memulihara landskap budaya Melayu ini agar terus bersinar (Farizal & Hanafi, 2018). Penulis yang sama turut memetik faktor berat sebelah oleh sesetengah pihak berkaitan, memainkan peranan utama dalam kemerosotan pelestarian landskap budaya Melayu tradisional. Ini kerana kebanyakan aspek pelestarian dan pemuliharaan budaya serta warisan lebih menjurus kepada kawasan atau tapak yang diwartakan sebagai tapak warisan UNESCO sahaja, dan sangat sedikit perhatian diberikan kepada kawasan selain tapak warisan UNESCO (Rahman & Ismail, 2015). Sebaliknya, pertubuhan antarabangsa bukan kerajaan Malaysia (ICOMOS Malaysia) turut menegaskan bahawa pelestarian dan pemuliharaan budaya dan warisan perlu di seimbangkan tanpa mengira status kawasan tersebut agar setiap elemen budaya, tradisi, adat dan warisan dapat dikekalkan (ICOMOS Malaysia, 2021).

Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk membuktikan kepentingan landskap budaya Melayu yang menjadi tunjang utama kepada pelambangan identiti masyarakat Melayu di Malaysia. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah penyelidikan kualitatif yang melibatkan kajian kes di Kampung Bukit Pegoh, Melaka. Dapatan kajian ini memperjelaskan fungsi dan peranan tersendiri setiap elemen landskap di persekitaran rumah masyarakat Melayu tradisional yang menjadi tunjang utama kepada pembentukan identiti masyarakat Melayu di Malaysia. Penemuan hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pangkaji seterusnya untuk mengenali lebih mendalam tentang landskap budaya Melayu daripada aspek tanaman, susun atur dan secara tidak langsung dapat memahami karakter budaya masyarakat Melayu. Pengkaji dan generasi seterusnya perlu menjaga dan memulihara warisan budaya Melayu yang berharga ini supaya tidak musnah dan terus kekal relevan.

TINJAUAN LITERATUR

Landskap merupakan persekitaran yang diolah dan direka oleh akal budaya manusia yang mendiami sesuatu kawasan, sama ada di darat, gunung, muara mahupun air. Menurut Hussein, Mohamed, and Shariff (2008) dan Hussain et al (2021) landskap persekitaran manusia bukanlah satu perlambangan yang sentiasa sinonim dengan alam persekitaran, tetapi bagaimana seseorang itu melihat dan menilai alam melalui sudut pandangan mereka. Kenyataan ini disokong oleh Ahmad, Bakar, dan Ibrahim (2006) yang menyatakan bahawa landskap dan alam persekitaran di sekeliling manusia bukanlah sesuatu yang unik selagi tidak dizahirkan oleh seseorang. Oleh itu, landskap merupakan satu corak kehidupan sesuatu masyarakat, seseorang mahupun sesuatu bangsa tersebut yang mencorak dan mereka bentuk persekitaran mereka (Hussain et al. 2016). Justeru, dapat disimpulkan bahawa landskap sesuatu masyarakat di dunia ini mempunyai perkaitan rapat dengan budaya. Jika dilihat dari sudut budaya, landskap budaya meliputi pelbagai aspek, antaranya melibatkan ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan perilaku seseorang mahupun sesuatu masyarakat tersebut dalam membentuk identiti komuniti mereka melalui konsep perilaku manusia dan alam (Baharum, 2019). Dalam dunia masyarakat Melayu tradisional, elemen dan aspek yang dinyatakan di atas amatlah penting kerana melibatkan pertalian rapat antara manusia dan persekitaran rumah kediaman masyarakat Melayu.

LANDSKAP BUDAYA MELAYU

Menyoroti ilmu landskap budaya dan masyarakat Melayu, jelas menunjukkan bahawa Alam Melayu (Malay World) merupakan gabungan perhubungan antara manusia dengan alam sekitar yang seimbang meliputi faktor kehidupan yang menyeluruh. Calvin (1970) menyatakan bahawa manusia yang wujud di muka bumi ini tidak boleh hidup sendirian tanpa sokongan daripada alam persekitaran mereka. Sokongan ini merupakan satu lingkaran kehidupan yang seterusnya membentuk landskap budaya (Ismail, 2010). Kita dapat lihat susur galur sejarah budaya dan evolusi pemikiran yang membawa kepada terhasilnya falsafah budaya dan tradisional masyarakat Melayu (Abdullah, 2011). Seni bina dan seni reka khususnya landskap budaya Melayu merupakan elemen yang boleh dijadikan bahan rujukan dan kajian untuk dikaitkan dengan ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan perilaku budaya bangsa Melayu pada masa dahulu hingga kini (Ismail & Ariffin, 2015). Sebagai contohnya reka bentuk dan susunan landskap di persekitaran rumah masyarakat Melayu tradisional di Semenanjung Malaysia yang mencerminkan perkaitan rapat dengan sistem kepercayaan, keperluan sosial dan cara penyesuaian corak kehidupan mereka dengan alam.

Dean (1978) ada menyatakan bahawa senibina dan seni reka landskap kediaman masyarakat Melayu begitu unik, menggambarkan identiti bangsa Melayu, yang mana kehidupan mereka saling bergantung dengan alam persekitaran. Kenyataan ini selari dengan Ahmad, Bakar, dan Ibrahim (2006) iaitu masyarakat Melayu tradisional menerapkan prinsip hidup dan saling bergantung dengan alam, manusia dan tuhan untuk membentuk keharmonian. Keharmonian ini tidak hanya dizahirkan melalui unsur-unsur nyata tetapi turut melalui perlambangan simbiotik seperti ritual dan manifestasi sosial serta budaya (Baharum, 2019). Pemandangan ini masih dapat dilihat di sekitar kawasan perkampungan di Malaysia, yang mana corak kehidupan dan landskap budaya mereka masih dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti tradisional seperti pertanian, perladangan dan perikanan. Sebagai contoh, landskap kediaman masyarakat Melayu tradisional di utara Semenanjung Malaysia lebih tertumpu kepada peralatan dan kesesuaian susun atur landskap pertanian sawah padi (Maliki, 2010). Selain itu, komponen perabot taman yang terdapat di persekitaran rumah turut terdiri daripada wakaf, jelapang padi, kepok padi, tali air dan sebagainya untuk menyokong aktiviti pertanian yang sinonim dengan corak kehidupan tradisional mereka iaitu bertani. Dewasa ini, walaupun perubahan fizikal mahupun sosial telah berlaku secara drastik, pengekaln landskap budaya tradisi masyarakat Melayu ini perlu dijaga dan dikekalkan kerana melambangkan identiti bangsa dan susur galur kehidupan budaya masyarakat Melayu terdahulu.

METODOLOGI

Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara langsung mengenai fungsi dan kepentingan landskap budaya Melayu yang masih wujud di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mendapatkan tindak balas yang jelas berkenaan ciri-ciri reka bentuk landskap budaya Melayu dalam membentuk identiti budaya Melayu. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah kualitatif telah dipilih untuk menjalankan penyelidikan ini. Kajian ini adalah berkaitan persoalan atau pernyataan dan bukannya hipotesis. Merriam dan Tisdell (2016) menyatakan kaedah kualitatif merupakan kaedah untuk menguji dan menjawab pertanyaan tentang bagaimana, di mana, apa dan mengapa seseorang bertindak dengan cara-cara tertentu pada permasalahan yang spesifik. Strategi yang sesuai untuk mendapatkan maklumat kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Oleh itu, Kampung Bukit Pegoh, 75460 Telok Mas, Melaka telah dipilih sebagai lokasi kajian kes melibatkan pemerhatian peserta, analisa dokumen, bahan audio visual dan penglibatan informan untuk memperkukuhkan dapatan kajian ini. Seramai lima orang informan telah ditemubual secara mendalam untuk menambah maklumat dan sumber berkaitan dengan peranan dan fungsi landskap budaya Melayu. Sepanjang proses temubual dijalankan, alat rakaman digunakan untuk merakam maklum balas daripada responden kajian. Bagi memudahkan analisis, rakaman

tersebut diproses kepada bentuk transkrip yang melibatkan penyusunan semula maklumat transkrip mengikut kategori berdasarkan kepada pertanyaan utama yang dikemukakan. Seterusnya, data tersebut dianalisis secara tematik untuk memudahkan proses dapatan kajian. Pemerhatian secara rambang pula dilakukan terhadap kawasan kediaman di kawasan kajian dengan memerhati rumah yang masih mengekalkan landskap rumah Melayu tradisional. Seterusnya, analisis dokumen dilaksanakan bagi memastikan data temubual dan pemerhatian yang diperolehi mencapai triangulasi melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Penemuan untuk objektif penyelidikan ini adalah berdasarkan maklumat daripada temubual separa berstruktur dengan informan. Bagi mengukuhkan dapatan kajian, penemuan turut dikumpulkan melalui pemerhatian peserta, analisa dokumen dan bahan audio visual. Hasil kajian yang dianalisis secara deskriptif iaitu menghuraikan dapatan kajian dalam bentuk penjelasan bagi memberi pemahaman dengan lebih jelas untuk memperakui peranan dan fungsi landskap budaya Melayu di Kampung Bukit Pegoh. Dalam kepercayaan masyarakat Melayu tradisional, landskap merupakan elemen penting dalam kehidupan seharian mereka. Menurut Rahman dan Ismail (2015) landskap budaya adalah suatu pemangkin yang penting dan merupakan antara peneraju di dalam kehidupan seharian masyarakat setempat. Elemen landskap budaya Melayu di kawasan kajian didapati menyumbang kepada faktor kegembiraan, ketenangan dan keharmonian kepada pemilik kediaman selain menaikkan aura serta seri kepada persekitaran kediaman. Hal ini turut disokong oleh kenyataan daripada informan. Informan 1 menyatakan pendapat beliau seperti berikut,

“Bukan setakat untuk mencantikkan kawasan rumah, tapi juga untuk memberikan ketenangan dan keharmonian. Hati rasa lagi tenang bila rumah kita cantik. Tapi cantik ni subjektif, tak bermaksud rumah sebesar istana tu cantik. Tapi sebaliknya bila penghuni rumah dapat hidup dalam tenang dan harmoni. Landskap itu sendiri memberi identiti, aura, seri dan nyawa kepada kawasan”.

Melalui hasil temubual dan pemerhatian di kawasan kajian, selain berperanan dalam mencantikkan kawasan persekitaran kediaman masyarakat Melayu tradisional, landskap budaya Melayu turut berperanan dalam mencorakkan sosial kehidupan seharian masyarakat dimana setiap ruang sekitar kediaman mereka dijadikan tempat beriadah dan tempat melakukan aktiviti kemasyarakatan seterusnya meningkatkan interaksi antara jiran tetangga. Hal ini disokong oleh kenyataan daripada Hussain et al. (2020), ruang persekitaran landskap budaya masyarakat Melayu merupakan ruang serbaga guna pelbagai fungsi yang boleh disesuaikan dengan fungsinya.



Rajah 1: Landskap budaya Melayu tradisional di Kampung Bukit Pegoh, Melaka (Sumber: Penulis).

Rajah 1 menunjukkan landskap budaya Melayu menggunakan struktur kayu dalam binaannya selain gabung jalin dengan alam sekitar di mana terdapat pelbagai pokok ditanam di sekelilingnya. Halaman rumah yang luas juga banyak membantu pemiliknya untuk melakukan aktiviti kemasyarakatan seperti kenduri, majlis perkahwinan dan sebagainya sekaligus memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian masyarakat di kawasan kajian. Landskap budaya Melayu yang menerapkan amalan penanaman pelbagai jenis pokok juga membawa kesan kepada persekitaran dan kehidupan masyarakat di kampung ini. Elemen landskap tumbuhan yang terdapat di persekitaran kediaman masyarakat Melayu tradisional mempunyai perkaitan dengan kehidupan harian mereka. Setiap sudut ruang landskap di sekitar rumah ditanam dengan tumbuhan pelbagai jenis mengikut fungsi dan kegunaannya pada ruang tersebut. Tumbuhan yang ditanam di sekitar kawasan rumah kediaman masyarakat Melayu turut berfungsi sebagai pokok hiasan, sumber makanan, bahan untuk memasak, ubat-ubatan dan juga sebagai pagar. Sebagai contoh, Jadual 1 di bawah menunjukkan kategori tanaman mengikut fungsi dan ruang kediaman di kawasan kajian.

Jadual 1: Susunan pokok dalam landskap rumah Melayu tradisional

| No. | Jenis tanaman | Nama saintifik | Fungsi | | | |
|-------------------------|---------------|---------------------------------|--------|---|---|---|
| | | | M | P | D | T |
| HALAMAN DEPAN | | | | | | |
| 1 | Melur | <i>Jasminum sambac</i> | | | | |
| 2 | Kemboja | <i>Plumeria acutiflora</i> | | | | |
| 3 | Bunga loceng | <i>Allamanda cathartica</i> | | | | |
| 4 | Bunga kertas | <i>Bougainvillea</i> | | | | |
| 5 | Bunga raya | <i>Hibiscus rosa-sinensis</i> | | | | |
| HALAMAN SISI | | | | | | |
| 4 | Manggis | <i>Garcinia mangostana</i> | | | | |
| 5 | Mangga | <i>Mangifera indica</i> | | | | |
| 6 | Rambutan | <i>Nephelium lappaceum</i> | | | | |
| 7 | Sukun | <i>Artocarpus altilis</i> | | | | |
| 8 | Nangka | <i>Artocarpus heterophyllus</i> | | | | |
| 9 | Pisang | <i>Musa paradisiaca</i> | | | | |
| 10 | Jambu | <i>Syzygium malaccense</i> | | | | |
| HALAMAN BELAKANG | | | | | | |
| 11 | Kari | <i>Murraya koenigii</i> | | | | |
| 12 | Pandan | <i>Pandanus amaryllifolius</i> | | | | |
| 13 | Kunyit | <i>Curcuma longa</i> | | | | |
| 14 | Cekur | <i>Kaempferia galanga</i> | | | | |
| 15 | Cili padi | <i>Capsicum frutescens</i> | | | | |
| 16 | Lengkuas | <i>Alpinia galanga</i> | | | | |
| 17 | Ubi kayu | <i>Manihot esculenta</i> | | | | |
| 18 | Temulawak | <i>Curcuma zanthorrhiza</i> | | | | |

Legenda:

- M - Makanan
- P - Perubatan
- D - Dekorasi
- T - Teduhan

Analisis dalam Jadual 1 menjelaskan tanaman mengikut fungsi dan kedudukan tanaman dalam kawasan kediaman. Aspek fungsi tanaman yang ditekankan adalah seperti untuk tujuan dijadikan makanan, ubat-ubatan, dekorasi dan teduhan yang digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat setempat. Selain itu, tanaman ini turut menjadi sumber pendapatan dan makanan kepada mereka sebagai contohsawah padi dan pokok buah-buahan. Pemerhatian yang dijalankan turut menyokong pernyataan ini di mana dapat dilihat terdapat kanak-kanak yang baru pulang dari rumah jiran selepas menghantar buah yang baru dipetik. Hal ini disokong dalam pernyataan yang diberikan oleh Informan 2 melalui temubual yang dijalankan.

“... dulu sekitar kampung ni ada sawah, jadi orang tua, orang muda semua ke sawah menanam padi. Kira sebagai sumber pendapatan, ada yang mengerjakan sawah di petak sawah milik sendiri, ada yang bekerja dengan orang. Tapi sekarang sawah pun dah tak ada. Selain tu, kamu tengok di sekitar rumah ni, kan banyak pokok buah, ada sesetengahnya boleh jual, ada yang buat makan. Jadi bila mula musim buah, mula lah ahli keluarga, jiran-jiran berkumpul...””.

Kesimpulannya, landskap budaya Melayu memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu di kawasan kajian. Melalui konteks hubungan ruang persekitaran dan kediaman masyarakat Melayu tradisional, setiap susun atur dan seni reka landskapnya melambangkan perilaku budaya mereka. Landskap budaya Melayu tradisional merupakan adaptasi kehidupan orang Melayu terdahulu dalam mencorakkan alam persekitaran mereka. Pengolahan ini membentuk seni reka landskap yang agung dan unik untuk membezakan perilaku bangsa Melayu dengan bangsa yang lain. Penerapan kepada aspek fungsi dan guna tumbuhan menjadi tunjang utama yang membezakan landskap budaya Melayu tradisional dengan bangsa lain di Malaysia. Budaya ini tidak lari daripada alam semulajadi mereka yang bertaut daripada segi aspek fungsi lahiriah hinggalah kepada aspek kerohanian. Kenyataan ini disokong oleh pemerhatian peserta di kawasan kajian, di mana dapat dilihat dan dihayati dengan jelas melalui perasaan, dan pengalaman menelusuri persekitaran kampung Melayu iaitu terdapatnya elemen alam, sosial budaya, kemasyarakatan dan susun atur ruang serta fungsi perabot taman. Perilaku dan aspek ini menyumbang kepada pembentukan karakter dan identiti bagi landskap budaya masyarakat Melayu tradisional.

KESIMPULAN

Landskap budaya Melayu tradisional merupakan landskap yang menitikberatkan hubungan antara manusia dengan alam persekitaran mereka. Landskap budaya Melayu tradisional ini boleh dirangkulkan sebagai sebuah kehidupan yang lengkap yang merangkumi aspek ketuhanan, alam dan manusia. Aspek ini ditunjukkan melalui amalan berkongsi rezeki sesama jiran tetangga dan melakukan aktiviti riadah bersama sanak saudara di sekitar ruang landskap persekitaran rumah. Ini jelas membuktikan kepentingan landskap budaya Melayu yang menjadi tunjang utama kepada identiti masyarakat Melayu tradisional. Landskap budaya Melayu tradisional turut melibatkan penggunaan ruang persekitaran dengan efisien, sebagai contoh, halaman rumah yang luas dapat di ulang pakai mengikut fungsi sosial dan majlis keraian tertentu seperti kenduri-kendara. Secara tradisinya setiap susun atur, penanaman dan perletakan sesuatu di ruang sekitar kediaman masyarakat Melayu tradisional adalah melalui pemerhatian terhadap alam sekitar sebagai sumber rujukan selain berlandaskan kepada konsep kepercayaan serta kesesuaian.

Selain itu, fungsi dan ilmu alam mengenai kegunaan tumbuhan yang ditanam di sekitar kediaman turut diwarisi secara turun-temurun. Sebagai contoh, tumbuhan herba yang berada di sekitar rumah ditanam untuk tujuan perubatan tradisional selain dapat mencantikkan halaman rumah bagi masyarakat Melayu tradisional, halaman rumah yang indah diibaratkan sebagai ‘seri rumah’, jika dampak seri rumah itu menarik, maka menariklah seisi rumah. Secara teori, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji budaya dan juga pihak berkepentingan yang berminat untuk membuat kajian mengenai landskap budaya Melayu. Selain itu, secara praktikal kajian ini juga boleh digunakan sebagai sebuah panduan dan rujukan dalam proses pemeliharaan landskap budaya Melayu agar terus kekal relevan.

RUJUKAN

- Abdullah , S. (2011). The characteristics of the cultural landscape in Malaysia: Concept and perspective. *Landscape Ecology in Asian Cultures*, 41-53. doi:https://doi.org/10.1007/978-4-431-87799-8_4
- Ahmad, A. S., Bakar, A. J., & Ibrahim, F. K. (2006). *Investigation on the elements of Malay landscape design [Doctoral dissertation]*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/2806/3/74226.pdf>
- Ani, A. (2011). *Identity composition of traditional Malay house compound in rural Melaka, Malaysia [Masters dissertation]*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Baharum, H. (2019). *Ilmu landskap Melayu dalam karya sastera tradisional*. Tanjong Malim: UPSI Press.
- Calvin, J. (1970). *An attempt of assessing preferences for natural landscape* (1 ed.). New York: Environmental and Behaviour.
- Dean , S. (1978). *Life style and buidling form: Some aspect of local architecture* . London: Shambala Boston and London Press.
- Farizal , M., & Hanafi, Z. (2018). The future of traditional Malay house design in Peninsular Malaysia. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, 38-43.
- Hussain, M. A., Yunos, M. Y., Ismail, N., Ariffin, N. F., & Ismail, S. (2020). A review of the elements of nature and the Malay cultural landscape through Malay literature. *Sustainability*, 12(6), 2154. doi: 10.3390/su12062154
- Hussain, M. A., Yunos, M. Y., Utaberta, N., Ismail, N. A., Ariffin , N. F., & Ismail, S. (March, 2016). Discovered the visual qualities of cultural and heritage waterfront influences by impression of place. *Scottish Journal of Arts, Social Sciences and Scientific Studies*, 28(1), 1-11. Retrieved from <http://scottishjournal.co.uk>
- Hussain, M. A., Yunos, M. Y., Yussof, Y. M., & Hamdan, H. (2021). Interpreting the Link Between the Malay Cultural Landscape and Malay Poetry. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 53-61. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/5231>
- Hussein, M. K., Mohamed , N., & Shariff, M. K. (2008). *Pengenalan kepada asas seni bina landskap* (1 ed.). (M. K. Hussein, Ed.) Serdang, Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- ICOMOS Malaysia. (2021). Kuala Lumpur and Warsaw: The tale of two contrasting cities. *FRSB International Online Seminar*. Kuala Lumpur: ICOMOS Malaysia.
- Ismail, N. A. (2010). *Landscape alteration in urban residential areas of Selangor, Malaysia [Doctoral dissertation]*. Auckland: Lincoln University.
- Ismail, N. A., & Ariffin, N. F. (2015). Longing for culture and nature: the Malay rural cultural landscape “desa tercinta”. *Jurnal Teknologi*, 75-84. doi: DOI:10.11113/jt.v75.5921
- Maliki, N. Z. (2010). *Kampung / landscape: Rural-urban migrants’ interpretations of their home landscape. The case of Alor Star and Kuala Lumpur [Doctoral dissertation]*. Auckland : Lincoln University. Retrieved 23 April, 2020, from <https://researcharchive.lincoln.ac.nz/handle/10182/791>
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research : A guide to design and implementation* (4th ed.). San Francisco: John Wiley & Sons.
- Rahman, A. A., & Ismail, S. M. (2015). Menilai estetika landskap kampung tradisional Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke 8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran 2015*, (pp. 281-290). Langkawi.